

TARIKH	23 / 10 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	12	RUANGAN	NASIONAL

1MDB berhasrat hantar ramai Tok Batin tunai haji

Sepang: Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berhasrat menghantar lebih ramai Orang Asli, khususnya Tok Batin, untuk menunaikan ibadah haji tahun depan.

Setiasaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Jailani Ngah, berkata pada tahun ini hanya lima Tok Batin dipilih mengikuti program itu menerusi temu duga.

Datang temu duga

"Lebih 30 Tok Batin datang untuk temu duga, tetapi kita hanya memilih yang tahu mengenai asas agama Islam ke-

rana tidak mahu mereka susah ketika berada di tanah suci.

"Tahun depan, kita akan menambah kepada lebih 30 Tok Batin untuk dihantar menjalani kursus pendek belajar Rukun Haji dan mendalami Islam," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini semalam.

Terdahulu, beliau menyambut ketibaan lebih 392 jemaah haji menerusi Program 1MDB, terdiri imam, ketua kampung, ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung



Jailani (empat dari kiri) mengaminkan doa ketika menyambut ketibaan jemaah haji tajaan 1MDB di KLIA, semalam.

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

(JKKK), Ketua Kampung serta Jawatankuasa Kemajuan, Keselamatan dan Persekutuan (JKKKP).

Jailani yang juga pengerusi program itu, berkata Tok Batin terbabit bukan saja akan dihantar untuk menunaikan haji tetapi turut berpeluang mengerjakan umrah.

"Ini adalah hadiah Perdana Menteri kepada mereka. Melalui program ini, kita berjaya membawa lebih separuh daripada imam seluruh negara untuk mengerjakan haji," katanya yang menjelaskan program itu dijayakan menerusi kuota khas diberikan Arab Saudi itu.